

03 MAY 1999
Mahathir-Cawangan
UMNO TUBUH 58 CAWANGAN BARU

KUALA LUMPUR, 3 Mei (Bernama) -- Di sebalik dakwaan kononnya sokongan kepada UMNO kini merosot, sebenarnya lebih banyak cawangan baru telah ditubuhkan.

Majlis Tertinggi UMNO yang bermesyuarat malam ini menerima penubuhan 58 cawangan baru, sebahagian besar di Bahagian Gua Musang, Kelantan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mempengerusikan mesyuarat itu berkata, 53 daripada cawangan baru itu adalah di Bahagian Gua Musang.

Dr Mahathir juga berkata bahawa mesyuarat itu bersetuju memecat 27 orang anggota UMNO kerana melanggar disiplin parti.

Seorang anggota parti di Sabah dipecat seumur kerana bertanding sebagai calon bebas dalam pilihan raya Sabah pada Mac lepas, kata beliau tanpa menyebut nama anggota berkenaan.

Pada pilihan raya itu anggota Umno negeri itu, Datu Bara Datu Alawadin bertanding di kawasan Sembulan sebagai calon bebas. Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin UMNO kemudian memperakukan agar dia dipecat seumur hidup.

Sebanyak 26 anggota UMNO peringkat rendah turut dipecat daripada parti kerana menyertai PAS dan Parti Keadilan Nasional.

Jawatankuasa pengurusan dan disiplin parti dalam mesyuaratnya yang lepas memperakukan supaya MT memecat 24 anggota termasuk Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, isteri bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang kini menjadi presiden Kadilan.

Dr Mahathir juga berkata bahawa mesyuarat malam ini tidak membincangkan mengenai pakatan parti-parti pembangkang kerana berpendapat ia tidak perlu berbuat demikian pada masa ini.

Ditanya sama ada beliau memaklumkan kepada MT hasratnya untuk menyerahkan jawatannya kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selepas pilihan raya umum nati sebagaimana dinyatakannya baru-baru ini, Perdana Menteri perkara itu juga tidak dibincangkan dalam mesyuarat itu.

Ini kerana memang telah diterima secara umum bahawa timbalannya akan menggantikan tempatnya sebagai Perdana Menteri apabila beliau berundur.

"Semasa zaman Datuk Seri Anwar menjadi timbalanpun saya fikirkan dia menggantikan saya tetapi dia didapati tidak sesuai, maka terpaksa saya menggantikannya dengan yang lain," katanya.

-- BERNAMA
AFY ARA MAI